

ABSTRAK

KAJIAN PENILAIAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANGGOTA KOPERASI

Oleh

Mohamad Rasydi Abd Rashid, Farahaini Mohd Hanif, Nor Alyani Abdul Razak, Julizah Sabstu, Mohamad Kamarulzaman Mohamad Annuar Mus'adad

Jun 2021

Institut Koperasi Malaysia

Koperasi kredit di Malaysia menghadapi banyak persaingan dengan institusi perbankan lain dalam penawaran produk pembiayaan. Pandemik Covid-19 telah menjejaskan ekonomi dunia termasuklah terhadap aktiviti kredit dan peminjam koperasi. Hal ini mendorong gerakan koperasi untuk menggesa badan regulator menimbang semula tempoh pembiayaan kredit sedia ada. Tujuan utama kajian ini adalah untuk membuat profiling koperasi kredit dan peminjam anggota koperasi serta mengenal pasti corak pendapatan, perbelanjaan, tabungan dan pinjaman mereka. Selain itu, tahap kepuasan kesejahteraan anggota yang dikenal pasti melalui manfaat kewangan dan bukan kewangan serta pandangan umum gerakan koperasi berkaitan kesesuaian tempoh pinjaman balik sedia ada turut dikaji. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan kaedah soal selidik dan perbincangan kumpulan fokus bagi mengumpul data yang diperlukan. Sampel sasaran ialah koperasi yang menjalankan aktiviti kredit di Malaysia. Responden pula terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK), pihak pengurusan dan anggota koperasi. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif, analisis korelasi dan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan profil peminjam anggota koperasi adalah lelaki, berumur antara 41 hingga 50 tahun, berbangsa Melayu, tinggal di kawasan bandar dan berpendidikan tahap SPM. Kebanyakan peminjam bekerja sebagai penjawat awam, telah berkahwin dan merupakan ketua keluarga. Pendapatan bulanan individu dan pendapatan isi rumah responden pula adalah antara RM2,001 sehingga RM3,999. Responden memperuntukan kurang daripada RM500 untuk tujuan perbelanjaan makanan dan pengangkutan dan mempunyai corak tabungan yang positif. Bagi profil koperasi pula, majoriti koperasi telah ditubuhkan sejak lebih 50 tahun serta merupakan koperasi jenis komuniti. Koperasi menawarkan tiga jenis pembiayaan utama iaitu pembiayaan peribadi, barangan dan mudah secara Islamik dan meluluskan permohonan pembiayaan dengan merujuk kepada penyata gaji yang mengandungi maklumat kredit peminjam. Ketiga-tiga jenis pembiayaan ini menggunakan kaedah potongan gaji majikan sebagai kaedah utama dalam mengutip ansuran bulanan. Koperasi juga mempunyai kadar NPL dalam lingkungan 1% hingga 5%. Secara amnya majoriti responden berasa sejahtera dengan manfaat dalam bentuk dividen dan khidmat nasihat yang disumbangkan oleh koperasi. Dapatan menunjukkan kebanyakan anggota koperasi mencadangkan tempoh bayaran balik pembiayaan dipanjangkan kepada maksimum 15 tahun manakala kebanyakan koperasi bersetuju untuk mengekalkan tempoh pembiayaan selama 10 tahun.

Kata kunci: *pembiayaan, pembiayaan peribadi, kredit, pinjaman*